

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

YBhg. Datuk Prof./Tuan/Puan,

HEBAHAN HIJAU 03/2020: MAKLUMAN PROGRAM EARTH HOUR 2020 DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk,

2. Adalah dimaklumkan, sambutan Earth Hour Peringkat Dunia 2020 akan diadakan pada 28 Mac 2020 (Sabtu) sebagai simbolik kepada usaha dan sokongan dunia terhadap keprihatinan mengenai isu pemanasan dan perubahan iklim global serta penjimatan tenaga secara umumnya.

3. Salah satu usaha menyokong kempen ini, Pejabat Kampus Lestari (SCO) dengan usahasama Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan (PPP), akan menganjurkan sambutan Earth Hour peringkat UTHM sepertimana butiran berikut:

Tarikh	:	28 Mac 2020 (Sabtu)
Masa	:	9.00 malam – 10.00 malam
Tempat	:	Kampus Induk, UTHM

4. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk Prof./tuan/puan dialu-alukan untuk turut serta menutup lampu keseluruhan bangunan selama satu (1) jam di premis atau bangunan masing-masing. Manakala pihak PPP akan menutup lampu jalan dan kawasan seluruh kampus induk sebagai tanda sokongan terhadap usaha murni ini. Bersama-sama ini dilampirkan E-Poster Program Earth Hour 2020 untuk makluman dan tindakan YBhg. Datuk Prof./tuan/puan seterusnya.

Kerjasama dan sokongan pihak YBhg. Datuk Prof./tuan/puan dalam menjayakan program Earth Hour 2020 ini amat kami hargai dan didahului ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”
“REENGINEERING SUSTAINABILITY”

Yang benar,

SR. DR. NORALFISHAH BINTI SULAIMAN

Pengarah

Pejabat Kampus Lestari (SCO)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

07 - 4537657/7389

- s.k.
- *YBhg. Datuk Naib Canselor*
 - *Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)*
 - *Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)*
 - *Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)*
 - *Menjalankan Tugas Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh*
 - *Bendahari*
 - *Ketua Pustakawan*
 - *Penasihat Undang-Undang*
 - *Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan)*
 - *Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik & Perhubungan Korporat)*
 - *Dekan-Dekan Fakulti/Pusat*
 - *Pengarah-Pengarah Pejabat/Pusat*
 - *Ketua-Ketua Pejabat/Pusat/Unit*